

Siti Zarinah Sahib

sitzarinah@hmetro.com.my

Era globalisasi kini memerlukan tenaga kerja mahir dan berdaya saing supaya pembangunan negara sejajar perkembangan teknologi semasa.

Secara tidak langsung, pilihan untuk menyambung pengajian ke peringkat tinggi menjadi suatu kemestian dalam menghadapi persaingan dunia pekerjaan. Pelbagai bidang dan kepakaran ditawarkan untuk memenuhi keperluan kerjaya pelajar sekolah menengah.

Menyedari hal ini satu program kesedaran diberikan kepada pelajar sekolah menengah agar mereka bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Seramai 77 pelajar tingkatan satu hingga lima termasuk 47 pelajar asnaf dan anak yatim di sekolah sekitar Selangor dipilih dalam menjayakan program i-Backpackers: Kembara Kerjaya.

Program ini dimulakan dengan sesi Bicara Hala Tuju Bersama Cikgu Asmadi. Dalam sesi ini, pelajar diberi borang soal selidik kerjaya Holland Test untuk menentukan minat dan kecenderungan masing-masing.

Mereka juga diberikan semangat bagi melonjakkan



PESERTA bergambar selepas tamat program.

LONJAK POTENSI DIRI

Program beri pendedahan awal kepada pelajar cabaran dunia pekerjaan



BERPELUANG melawat syarikat penerbitan Didi & Friends di Cyberjaya.

potensi diri ke satu peringkat yang paling tinggi. Ini kerana menetapkan misi dan matlamat hidup menjadikan seseorang itu mempunyai pandangan jauh dan jelas mengenai masa depan mereka.

Kembara kerjaya bermula dengan lawatan ke beberapa syarikat korporat seperti Pharmaniaga, Didi & Friends dan Hospital Az-Zahrah bagi memberi pendedahan awal terhadap suasana kerja dan membuka peluang menemui kakitangan yang berada di situ mengenai pengalaman bekerja mereka.

Di Pharmaniaga, peserta dibenarkan masuk ke dalam makmal produksi dan melihat sendiri cara pembuatkan dan pembungkusan

ubat-ubatan manakala di Hospital Az-Zahrah, mereka berpeluang melawat bilik penjagaan bayi dan pesakit untuk melihat perbezaan cara berkerja jururawat terhadap pesakit dewasa dan bayi.

Peluang melawat syarikat penerbitan Didi & Friends di Cyberjaya sangat memberikan pengalaman berharga. Selain melihat lukisan kartun dan bagaimana animasi dilakukan, secara tidak langsung dapat menarik minat mereka dalam bidang multimedia dan seni lukis.

Keesokan harinya, program diteruskan dengan slot Kembara Varsiti ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk memberi gam-

baran suasana di institusi pengajian tinggi, sekali gus melahirkan minat pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading. Kembara ini memberi peluang mereka memilih dan bertanya lebih lanjut bidang yang diminati.

Di UKM, pelajar diberi taklimat mengenai Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) yang pernah digelar perpustakaan terbesar di Asia Tenggara dan melihat suasana mahasiswa UKM yang tekun belajar. Aktiviti paling menarik adalah eksplorasi di sekitar kawasan IPT di beberapa stesen terpilih.

Antara aktiviti eksplorasi seperti rekaian jubah konvokeyen menggunakan surat khabar, roti sandwich ukhawah, melukis plan bilik asrama, menguji minda dengan soalan sirah dan susunan puzzle simbolik kepada kesatuan umat.

Pada waktu malam, pelajar mengikuti program Saya Muslim Hebat yang disampaikan oleh International Toastmaster, Hanan Othman. Dia membuka fikiran peserta terhadap perjuangan yang perlu dilakukan sebagai seorang Muslim. Penampilan istimewa Badrul Sani AMPAC dalam slot Bijak Bicara mampu mengubah peserta pasif menjadi proaktif manakala

pada malamnya, qiamullail diimamkan oleh Qamaru Nazrin daripada Tarbiah Sentap juga penulis buku bertajuk Aku Ingin Berubah.

Program i-Backpackers ini berbeza dengan program lain kerana ia menjadi medan perkumpulan peserta sama ada dalam kalangan asnaf miskin dan anak yatim serta peserta umum agar mereka saling melengkapi di antara satu sama lain.

Fasilitator terdiri daripada mahasiswa lepasan ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan lepasan ijazah dari Mesir. Dalam program ini juga terdapat satu slot dinamakan Forum Kerjaya Bergerak. Peserta akan bergerak dalam kumpulan ke mana-mana 10 stesen kerjaya yang ditetapkan dan diberi penerangan jelas mengenai bidang yang ingin diambil oleh fasilitator.

Pengasas dan Pengerusi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah (PACU), Asral Widad dalam ucapan penutup menyeru peserta supaya pulang membawa manfaat yang boleh dikongsi dengan rakan mereka.

"Peserta perlu mempunyai cita-cita tinggi dan sedar bahawa masa depan yang mencahar menuntut keazaman serta disiplin bagi membolehkan mereka menjadi insan berjaya", katanya.

Menurut Timbalan Naib Canselor HEPA UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, program ini sangat bersesuaian dengan aspirasi UKM dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya.

Salah seorang peserta terbaik, Muhammad Abu Zhar, 16, menyatakan program ini banyak membantu dalam membina keyakinan diri dan menentukan hala tuju selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Program ini salah satu inisiatif yang dianjurkan oleh PACU dengan kerjasama rakan strategik iaitu Projek Tuisyen Ummah (PRO-TU), Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Kelab Remaja ISMA (KRIM) dan Global Thinkers (GT) dalam usahanya menjadi pembela dan pendidik bagi golongan yang memerlukan.



MENYEDIAKAN sandwich antara aktiviti untuk peserta.